

AGAMA AGA KHAN

Tatkala saya masuk ke bilik saya di hotel “Saint Moritz” di New York, saya dapati sejada (tikar sembahyang) terbentang di atas tempat tidur. Sudah tentu saya tidak biarkan begitu – lalu saya gulung dan letakkan di sebelah. Saya sudah tahu perbuatan itu dilakukan oleh perempuan tua yang menjadi khadam di situ.

Sebentar kemudian perempuan tua itu telah masuk ke bilik saya lalu dia menegur saya kenapa tidak mengambil endah kepada sejada yang cantik itu dan menggulungnya dengan cara yang begitu. Ia telah bersegera mengambil dan membentangnya semula di atas tempat tidur. Sambil berkata:

“Ini gunanya dibuat perhiasan, hendaklah dibentang begini, kalau tidak, apa gunanya tuan bawa bersama? Saya sangat suka sekiranya saya ada sehelai sepertinya di rumah saya!”



Al-Ustādh Sa‘id Ramaḍān

Saya pun menerangkan kepadanya, bahawa gunanya sejada itu ialah untuk sembahyang! Terkejut perempuan tua itu mendengarnya lalu berkata:

“Maafkan saya tuan, maaf, saya sangat dukacita, sebenarnya itu tidak terlintas di hati saya, apa agama tuan?”

“Islam”, kata saya.

Lalu dia berkata dengan agak cepat seperti seorang yang hendak menunjukkan pengetahuannya:

“Owh, agama Aga Khan, saya selalu baca berkenaan dengannya, dan saya sangat dukacita berkenaan perceraian ‘‘Ali’ dengan Ritahoris, tetapi dia akan mendapat perempuan yang lebih cantik lagi, dunia ini penuh dengan perempuan!”

Saya rasa perempuan tua ini telah menyentuh hati saya dengan apa yang dikatakannya itu tetapi saya segera telan lalu berkata:

Tetapi kami orang Islam tidak mensifatkan dan tidak mengakui Aga Khan itu sebagai contoh yang baik

bagi Islam dan ajarannya. Islam itu (lalu saya ceritakan sedikit ajaran dan tujuannya).

“Bagus, sangat bagus,” – katanya – “Tetapi tidakkah Aga Khan itu raja umat Islam?”.

- “Tidak”.

- “Saya tidak tahu begitu, maafkan saya,

sebenarnya semua akhbar di sini begitulah siarannya, dan tiap-tiap seorang Amerikan begitulah yang difahamkannya, tetapi kenapa pihak tuan (orang-orang Islam sendiri) tidak membetulkan faham yang demikian, kenapa tuan tidak menyiarkan di dalam akhbar apa yang tuan katakan kepada saya tadi?

Itu sangatlah bagus tuan”. Katanya lagi.

“Kerana inilah saya datang ke mari” jawab saya.

Sebentar kemudian perempuan tua itu pun keluar dari bilik saya dengan terharu dan hormat lakunya.

Seterusnya Tuan Sa‘id Ramaḍān berkata lagi:

Saya telah dijemput memberi ucapan berkenaan Islam di gereja Virginia, seorang paderi muda telah bangun mengenalkan saya kepada hadirin dengan katanya:

“Saya tidak akan mengenalkan kepada tuan-tuan dif kita ini kerana akan dilakukan oleh orang lain, agama paderi kita yang akan berucap kepada tuan-tuan pada hari ini ialah Islam dan Nabi Islam ialah Muhammad. Tatkala Muhammad datang, pada ketika itu di Semenanjung Arab ada delapan belas tuhan yang disembah, salah satunya bernama “Allah”. Maka Muhammad pun memilih “Allah” ini lalu dijadikannya Tuhan yang tunggal yang disembah!”.


Tercengang hadirin apakala saya menerangkan kepada mereka: Bahawa saya bukanlah seorang paderi. Kerana di dalam Islam tidak ada “kepaderian” dan tidak berpaderi (yakni ahli agama yang boleh mengampunkan dosa orang ramai – P). Mereka telah ketawa tatkala saya berkata kepada mereka bahawa maklumat berkenaan Islam yang telah dikatakan oleh tuan paderi muda tadi tidak pernah saya mendengarnya melainkan pada hari inilah! Tercengang mereka dan sangat tertarik apakala mendengar saya menerangkan kepada mereka dari hal Islam. Sebaik-baik

sahaja saya selesai memberi ucapan, mereka beramai-ramai telah berjabat tangan dengan saya dengan perasaan kasih mesra sambil meminta kepada saya nasihat-nasihat terjemah makna Quran dengan bahasa Inggeris. *

Demikianlah Islam yang difaham oleh penduduk Amerika, dan dengan rupa itulah disiarkan di sana. Betapa gerangan kaum itu dihitungkan salah tentang mereka kufur akan Islam? Dan bagaimana pula kita hendak menyalahkan apabila kita memandang mereka?

Setelah itu apa orang-orang Islam akan berkata kepada Allah ‘Azza wa Jalla pada hari kiamat kelak ketika mereka ditanya darihal amanah tabligh (menyampaikan) seruan Islam kepada manusia seluruhnya, dan sudah tentu pertanyaan itu dihadapkan kepada mereka sesudah mereka ditanya darihal amanah Islam di dalam diri dan kedudukan mereka sendiri!

Sungguh berat tanggungan, dan sungguh ngeri hari perhitungan – Yawm al-Hisāb.



Mori, salah sebuah bandar peranginan Pakistan yang terkenal.